# TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA PROGRAM PERASMIAN PENUTUP PROGRAM IT BESTARI

TARIKH :

23 JUN 2007

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**TEKS UCAPAN YBHG DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN, NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) SEMPENA PROGRAM PERASMIAN PENUTUP PROGRAM IT BESTARI PADA 23 JUN 2007**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRT WBT

YBHG DATIN KHAYATEE BT MOHD ADNAN,

PENAUNG SRI KESIDANG, UTeM

YB. BERUSAHA PROF MADYA DR HANIPAH BTE HUSSIN

PENGERUSI SRI KESIDANG UTeM

ANAK-ANAK/PARA PESERTA PROGRAM DARI KOMPLEKS ANAK YATIM FATIMAH AL-ZAHARAH (KAYFAZ), BUKIT KATIL MELAKA

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

SYUKUR ALHAMDULILLAH KERANA DENGAN IZINNYA DAPAT SAYA HADIR BERSAMA TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN ANAK-ANAK SEKALIAN DALAM PROGRAM YANG SANGAT BERMAKNA PADA PETANG INI IAITU PROGRAM IT BESTARI BERSAMA WARGA KOMPLEKS ANAK-ANAK YATIM FATIMAH AL-ZAHARAH (KAYFAZ), BUKIT KATIL MELAKA.

PENGANJURAN PROGRAM IT BESTARI PADA HARI INI DENGAN ANAK-ANAK SEKALIAN SERAMAI 75 ORANG MERUPAKAN USAHA YANG TELAH DIRANCANG OLEH UTeM BAGI MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SOSIALNYA KEPADA MASYARAKAT.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

TOPIK-TOPIK YANG TELAH DIAJAR DALAM KURSUS KOMPUTER IT BESTARI HARI INI IALAH:

I) PENGENALAN KEPADA KOMPUTER

II) MICROSOFT WORD

III) MICROSOFT EXCEL

IV) PENGENALAN KEPADA INTERNET

WALUPUN HANYA 4 TOPIK YANG DISENTUH PADA PROGRAM INI DAN DIADAKAN DALAM MASA SEHARI SAHAJA, TETAPI IA DIHARAP DAPAT MEMBERI ASAS DAN TUNJUK AJAR KEPADA ANAK-ANAK BERKAITAN ICT. DENGAN ITU IA DAPAT MENDORONG DAN MENARIK MINAT ANAK-ANAK UNTUK MEMINATI ILMU TEKNOLOGI MAKLUMAT YANG SANGAT LUAS.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA BERASA SANGAT GEMBIRA KERANA PROGRAM INI TELAH MELIBATKAN KOMITMEN SECARA LANGSUNG PENSYARAH-PENSYARAH DAN STAF-STAF UTeM. INI TELAH MELUASKAN KHIDMAT BAKTI MEREKA KE DALAM PROGRAM KEMASYARAKATAN DENGAN IKHLAS TANPA MEMINTA BALASAN ATAU IMBUHAN. IA BERTEPATAN DENGAN MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG PENYAYANG, PRIHATIN DAN SALING BANTU-MEMBANTU.

SAYA BERHARAP ANAK-ANAK DAPAT MENERIMA DAN MEMANFAATKAN ILMU YANG TELAH DIPELAJARI HARI INI SEBAIK-BAIKNYA. INGATLAH PESANAN INI IAITU "KALAU KITA MAHUKAN KEJAYAAN DUNIA MAKA KITA HENDAKLAH BERILMU, DAN JIKA KITA MAHUKAN KEJAYAAN/GANJARAN DI AKHIRAT KITA JUGA

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

HENDAKLAH MENJADI SEORANG YANG BERILMU SUPAYA DENGAN ILMU ITU KITA DAPAT BERAMAL.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH DI ATAS USAHA SRI KESIDANG DAN JAWATANKUASA MASYARAKAT, FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI KERANA MENJAYAKAN PROGRAM INI.

SAYA JUGA BERHARAP AGAR USAHA DARI TENAGA-TENAGA PENGAJAR UTeM TIDAK BERHENTI SETAKAT INI SAHAJA DALAM MEMAINKAN PERANAN UNTUK MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB MENYUMBANGKAN ILMU DAN KEPAKARAN KEPADA MASYARAKAT DI NEGERI MELAKA DAN NEGARA UMUMNYA.

SEMOGA APA YANG KITA LAKUKAN PADA HARI INI AKAN MENJADI MENDORONG KEPADA PROGRAM-PROGRAM KEMASYARAKATAN YANG LEBIH BANYAK DI ANTARA UTeM DAN MASYARAKAT UMUM PADA MASA-MASA AKAN DATANG.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN INI MERASMIKAN PENUTUP PROGRAM KURSUS KOMPUTER "IT BESTARI" HARI INI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

WASSALAMMUALAIKUM WRT WKTH

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka